

SULIT



**PENTAKSIRAN DIAGNOSTIK AKADEMIK
SEKOLAH BERASRAMA PENUH 2017**

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SIJIL PELAJARAN MALAYSIA

BAHASA MELAYU

1103/1

Kertas 1

Ogos 2017

PERATURAN PEMARKAHAN

BAHASA MELAYU

KERTAS 1

UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

AMARAN

Peraturan pemarkahan ini **SULIT** dan **Hak Cipta Sekolah Berasrama Penuh**. Kegunaannya khusus untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja. Sebarang maklumat dalam peraturan pemarkahan ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa. Peraturan pemarkahan ini tidak boleh dikeluarkan dalam apa-apa jua bentuk penulisan dan percetakan.

Kertas soalan ini mengandungi ? halaman bercetak.

Bahagian A:
Karangan Berdasarkan Bahan Rangsangan

[30 markah]

KRITERIA PENSKORAN

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
Cemerlang	26 – 30 atas (28 – 30) (26 – 27) bawah	<ul style="list-style-type: none"> • Karangan menepati tema bahan rangsangan. • Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat. Penggunaan tanda baca betul dan tepat. Ejaan mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu. Penggunaan kosa kata luas dan tepat. • Wacananya lengkap. Unsur bahasa yang digunakan bervariasi dan menggunakan ungkapan yang menarik (peribahasa, slogan, kata-kata ucapan) • Idea relevan dengan tema bahan rangsangan dan dihuraikan dengan jelas dan matang.
Kepujian	20 – 25 atas (23 – 25) (20 – 22) bawah	<ul style="list-style-type: none"> • Karangan menepati tema bahan rangsangan. Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat. Tanda baca betul dan tepat. Ejaan mengikut Sistem Ejaan Rumi. Penggunaan kosa kata luas. • Wacananya lengkap. Unsur bahasa yang digunakan bervariasi. • Idea relevan dengan tema bahan rangsangan dan dihuraikan dengan jelas.

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
Memuaskan	15 – 19 atas (17 – 19) (15 – 16) bawah	<ul style="list-style-type: none"> • Karangan masih menepati tema bahan rangsangan. • Bahasa masih gramatis dari segi kata dan ayat. • Penggunaan tanda baca masih betul dan tepat. • Ejaan masih mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu. • Penggunaan kosa kata umum. • Wacananya masih lengkap. Unsur bahasa masih bervariasi. • Idea masih relevan dengan tema bahan rangsangan. • Huraian idea masih jelas.
Kurang memuaskan	10 – 14 atas (12 – 14) (10 – 11) bawah	<ul style="list-style-type: none"> • Karangan kurang menepati tema bahan rangsangan. • Bahasa kurang gramatis dari segi kata dan ayat. Kesalahan-kesalahan tatabahasa ketara. Ejaan masih mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu tetapi terdapat kesalahan ejaan yang ketara. • Penggunaan kosa kata terhad. • Wacana kurang lengkap. Unsur bahasa kurang bervariasi. • Idea kurang relevan dengan tema bahan rangsangan huraiananya kurang jelas.
Pencapaian Minimum	01 – 09 atas (06 – 09) (01 – 05) bawah	<ul style="list-style-type: none"> • Calon tidak menunjukkan penguasaan kemahiran menulis. • Banyak kesalahan bahasa dari segi kata dan ayat. • Idea tidak menepati tema bahan rangsangan.

***Ungkapan menarik : peribahasa, pantun, cogan kata, frasa menarik, petikan ucapan, kata-kata hikmat, petikan hadis, maksud al-Quran dan lain-lain.**

Bahagian B: Karangan Respons Terbuka**[100 markah]****PERINCIAN PEMARKAHAN****Cara Pemeriksaan**

1. Pemeriksaan dijalankan secara holistik berpandukan peringkat dan kriteria yang ditetapkan.
2. Jika karangan:
 - a. Kurang daripada 350 perkataan, periksa seperti biasa
 - b. Terlalu panjang – periksa seperti biasa hingga ke akhir karangan
3. **Kesalahan format** hendaklah ditolak **maksimum 2 markah**.
4. **Kesalahan ejaan** hendaklah ditolak ½ markah dan pemotongan **maksimum 3 markah**. Tiada pemotongan markah bagi kesalahan ejaan yang berulang.
5. Cara menanda kesalahan isi, ejaan dan tanda baca:

() = Kesalahan isi

_____ = Kesalahan bahasa, rangkai kata dan perkataan

/ = Kesalahan ejaan dan huruf besar (nama khas)

// = Kesalahan ejaan yang berulang

○ = Kesalahan tanda baca

KRITERIA

KRITERIA	DESKRIPSI
1. BAHASA (Mekanis)	<ul style="list-style-type: none">● Kegramatisan:<ul style="list-style-type: none">- kata (morfologi)- ayat (sintaksis)● Tanda baca
2. LARAS (Dinamis)	<ul style="list-style-type: none">● Pemilihan kosa kata
3. IDEA (ISI)	<ul style="list-style-type: none">● Tema● Isi utama● Pengembangan (huraian/ bahasa/hujahan/ contoh)● Kerelevanan
4. PENGOLAHAN	<ul style="list-style-type: none">● Wacana● Logik● Pemerenggan● Format
5. GAYA BAHASA	<ul style="list-style-type: none">● Keindahan bahasa● Ungkapan● Peribahasa

**KRITERIA
PENSKORAN**

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
CEMERLANG	80 – 100 (90 – 100) (80 – 89)	<ul style="list-style-type: none"> ● Penggunaan pelbagai jenis kata yang luas dan tepat. ● Penggunaan pelbagai ayat majmuk yang gramatis. ● Ejaan dan tanda baca betul ● Laras bahasa sesuai dengan tugas ● Penggunaan kosa kata luas dan tepat ● Idea relevan mengikut tugas, dihuraikan dengan jelas dan matang, disertakan dengan contoh yang sesuai ● Pengolahan menarik dan berkesan serta pemerengganan sesuai. ● Wacana lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan. ● Penggunaan unsur bahasa bervariasi ● Gaya bahasa menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa.
KEPUJIAN	66 – 79 (73 – 79) (66 – 72)	<ul style="list-style-type: none"> ● Penggunaan pelbagai jenis kata yang tepat. ● Penggunaan pelbagai ayat majmuk yang gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum ● Ejaan dan tanda baca betul ● Laras bahasa sesuai dengan tugas. ● Penggunaan kosa kata luas dan tepat ● Idea relevan mengikut tugas, dihuraikan dengan jelas, disertai dengan contoh yang sesuai. ● Pengolahan menarik dan berkesan serta pemerengganan sesuai. ● Wacana lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan. ● Penggunaan unsur bahasa masih bervariasi. ● Gaya bahasa masih menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa.

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
BAIK	51 - 65	<ul style="list-style-type: none"> • Penggunaan pelbagai jenis kata sesuai. • Penggunaan ayat majmuk gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum. • Ejaan dan tanda baca masih betul. • Laras bahasa sesuai mengikut tugas. • Penggunaan kosa kata umum. • Idea masih relevan mengikut tugas, huraian isi masih jelas dan contoh masih sesuai. • Pengolahan masih menarik, dan pemerenggan masih sesuai. • Wacana masih lengkap • Penggunaan unsur bahasa masih bervariasi. • Gaya bahasa kurang menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan kurang berkesan.
	(58 – 65)	
	(51 – 57)	
MEMUASKAN	36 – 50	<ul style="list-style-type: none"> • Penggunaan pelbagai jenis kata terhad. • Ayat kurang gramatis. • Ejaan dan tanda baca betul tetapi terdapat kesalahan yang minimum. • Laras bahasa kurang sesuai. • Penggunaan kosa kata umum dan terhad. • Idea masih relevan mengikut tugas, huraian isi kurang jelas dan contoh kurang sesuai. • Pengolahan kurang menarik, pemerenggan kurang sesuai. • Wacana masih / kurang lengkap • Penggunaan unsur bahasa kurang bervariasi. • Gaya bahasa kurang menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan kurang berkesan.
	(43 – 50)	
	(36 – 42)	

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
KURANG MEMUASKAN	21 – 35 (28 – 35) (21 – 27)	<ul style="list-style-type: none"> • Penggunaan kata kurang tepat. • Ayat tidak gramatis tetapi masih difahami. • Terdapat kesalahan ejaan dan tanda baca yang ketara. • Idea masih relevan / idea bercampur aduk dan huraian tidak jelas / tidak berkembang dan contoh tidak sesuai. • Pengolahan tidak menarik. • Wacana tidak lengkap dan binaan perenggan tidak seimbang. • Unsur bahasa tidak bervariasi. • Gaya bahasa dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan lemah.
PENCAPAIAN MINIMUM	01 – 20 (11 – 20) (01 – 10)	<ul style="list-style-type: none"> • Keseluruhan menunjukkan penggunaan kata dan ayat yang tidak gramatis. • Kesalahan ejaan dan tanda baca yang ketara. • Idea bercampur aduk dan huraian tidak jelas/ tidak berkembang dan contoh tidak sesuai. • Pengolahan tidak menarik. • Wacana tidak lengkap dan binaan perenggan tidak seimbang dan tidak sesuai. • Gaya bahasa dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan lemah serta tidak menarik. • Keseluruhan karangan sukar / tidak difahami.

Cara menulis

K	-	Peringkat markah
- E	-	Mak 3 markah
- F	-	Mak 2 markah
Jumlah	-	Markah bersih

Contoh

K	-	75
- E	-	03
- F	-	02
J	-	70

GARIS PANDUAN PEMERIKSAAN**BAHAGIAN A**

[30 *markah*]

Tugasan Soalan

1. Calon perlu menghuraikan kepentingan hidup berjiran.
2. Calon mesti menjawab berdasarkan maklumat yang diberikan:
 - Kes jenayah berkurangan
 - Bantuan ketika kecemasan
 - Budaya tolong-menolong dipertingkatkan
3. Jika huraian idea jelas, menarik dan matang dengan tiga idea, calon layak mendapat **peringkat cemerlang (26-30 markah)**
4. Sekiranya calon menambah idea lain dan berkaitan dengan kepentingan hidup berjiran, idea tersebut boleh diterima.
5. Sekiranya calon tidak mengambil langsung idea yang diberikan tetapi mengemukakan idea sendiri, markah maksimum **peringkat kepujian (20-25 markah)**
6. Sekiranya calon hanya mengambil satu idea sahaja dan ditambah dengan idea lain, periksa seperti biasa.
7. Dalam konteks penandaan dan pemeriksaan, pemeriksa boleh mengabaikan arahan panjang karangan antara 200-250 patah perkataan, sebaliknya berpegang pada masa menjawab 45 minit kerana kita tidak mahu menyekat daya kreativiti calon.

GARIS PANDUAN PEMERIKSAAN**BAHAGIAN B**[100 *markah*]**Soalan 1**

Bersempena dengan persaraan pengetua sekolah anda, pihak sekolah telah mengadakan majlis perpisahan. Selaku wakil pelajar, anda dikehendaki menyampaikan ucapan dalam majlis tersebut.

Tulis teks ucapan anda selengkapnya.

Cadangan jawapan

Format: Ucapan

1. Kata alu-aluan – 1 markah
2. Kata sapaan – 1 markah
3. Kata penutup– 1 markah

(Penolakan markah format: maksimum 2 markah)

Tugasan soalan

Calon perlu menyediakan teks ucapan wakil pelajar sempena majlis persaraan pengetua sekolah.

1. Sekiranya calon hanya menyentuh persaraan guru (bukannya pengetua) – Diterima, maksimum **peringkat kepujian (66 – 79 markah)**
2. Sekiranya calon hanya menyentuh secara umum tentang jasa pengetua tanpa mengaitkan persaraan – maksimum **peringkat baik (51 – 65 markah)**

Cadangan isi

1. Tujuan majlis diadakan adalah untuk meraikan pengetua yang akan bersara.
2. Sejarah perkhidmatan pengetua di sekolah semasa serta pengalaman yang berharga / tidak dapat dilupakan oleh pelajar sewaktu bersama dengan pengetua.
3. Penghargaan kepada sumbangan dan jasa pengetua sepanjang perkhidmatan di sekolah.
4. Doa dan harapan untuk pengetua menjalani kehidupan selepas bersara.

Terima mana-mana isi / idea yang relevan.

Soalan 2

Pelbagai masalah sosial seperti pergaulan bebas, gengsterisme, samseng jalanan, dan remaja lari dari rumah sering berkait rapat dengan kebejatan institusi keluarga. Sepatutnya, peranan keluarga amat signifikan untuk mengekang sindrom sosial terutamanya masalah remaja.

Jelaskan peranan ahli keluarga dalam menangani masalah sosial

Cadangan Jawapan

Format: Tiada

Tugasan Soalan:

Calon perlu menjelaskan peranan ahli keluarga dalam menangani masalah sosial.

1. Sekiranya calon hanya menghuraikan peranan ibu bapa sahaja- maksimum peringkat **kepujian (66 – 79)**
2. Sekiranya calon hanya menjelaskan peranan ahli keluarga secara umum tanpa mengaitkan contoh masalah sosial – maksimum peringkat **baik (51 – 65)**
3. Sekiranya calon mengemukakan contoh masalah sosial tanpa mengaitkan peranan ahli keluarga- maksimum peringkat **memuaskan (36 – 50)**.

Cadangan Isi:

1. Ibu bapa memberikan didikan agama dan moral sejak kecil lagi.
2. Ibu bapa dan ahli keluarga yang lebih tua perlu menjadi suri teladan kepada anak-anak yang masih kecil.
3. Ibu bapa dan adik-beradik yang perlu sentiasa mengawasi, menasihati dan menegur ahli keluarga yang bertingkah laku tidak baik.
4. Setiap ahli keluarga perlu sentiasa memupuk kasih sayang sesama sendiri.
5. Setiap ahli keluarga boleh berkongsi masalah antara satu sama lain.
6. Ibu bapa mengambil tahu dan mengenali dengan siapakah anak-anak mereka berkawan.
7. Anak-anak perlu memahami tanggungjawab dan peranan mereka dalam keluarga.
8. Aktiviti keluarga seperti gotong royong dan hari keluarga patut diadakan dari semasa ke semasa untuk mengeratkan silaturahim.
9. Ibu bapa menerapkan nilai-nilai murni dalam diri anak supaya mereka membesar dengan sahsiah yang mulia.
10. Ahli keluarga perlulah memberikan sokongan dan dorongan yang padu kepada kegiatan remaja yang berfaedah.

Soalan 3

Pada alaf baharu ini, pihak kerajaan bersungguh-sungguh untuk memajukan industri desa kerana industri ini berpotensi meningkatkan ekonomi negara.

Bincangkan.

Cadangan jawapan

Format : Tiada

Tugasan soalan

Calon perlu membincangkan langkah-langkah kerajaan untuk memajukan industri desa dan potensi industri tersebut.

1. Sekiranya calon hanya menyentuh langkah atau potensi (satu aspek sahaja) maksimum peringkat **kepujian bawah (66 – 72 markah)**
2. Sekiranya calon mencampuradukkan industri desa dengan industri-industri desa maksimum peringkat **memuaskan atas (43 – 50 markah)**
3. Sekiranya calon tidak langsung membincangkan industri desa (industri-industri lain) maksimum peringkat **kurang memuaskan (21 – 35 markah)**

Cadangan isi

(Berkaitan dengan langkah kerajaan)

1. Kerajaan menyediakan bantuan modal dan khidmat nasihat kepada pengusaha industri desa.
2. Kerajaan memperkenalkan peralatan teknologi moden serta memberi kursus / latihan kepada para pengusaha untuk mengoperasikan peralatan tersebut.
3. Kerajaan memperluas kempen satu daerah satu produk
4. Kerajaan bekerjasama dengan pengusaha dalam mempromosi dan memasarkan produk industri desa.

(Berkaitan dengan potensi industri desa)

5. Produk industri desa menerima permintaan yang menggalakkan daripada masyarakat tempatan dan global.
6. Produk industri desa boleh menjadi sumber pendapatan yang lumayan atau sekurang-kurangnya menambah pendapatan para pengusaha.
7. Penghasilan produk industri desa menawarkan peluang pekerjaan dan meningkatkan produktiviti penduduk setempat.
8. Membantu pertumbuhan industri dan aktiviti ekonomi negara.

Terima mana-mana isi / idea yang relevan.

Soalan 4

Dunia hari ini kian terhimpit dengan peperangan yang membawa kesan-kesan negatif.

Jelaskan peranan badan-badan dunia bagi membendung permasalahan ini.

Format:Tiada

Tugasan Soalan

Calon perlu menjelaskan peranan badan-badan dunia bagi membendung masalah peperangan.

1. Sekiranya calon membincangkan kesan negatif peperangan tanpa mengaitkan peranan badan-badan dunia – **maksimum peringkat memuaskan (36 - 50)**
2. Sekiranya calon menghuraikan peranan badan-badan dunia secara umum tanpa menyatakan contoh pada peringkat antarabangsa – **maksimum peringkat baik (51 – 65)**
3. Sekiranya calon menghuraikan peranan badan-badan kesukarelawanan (NGO) seperti MERCY, AMAN Palestin - markah maksimum – **memuaskan peringkat bawah (36 – 42)**

Contoh badan dunia lain; NATO, OIC, Liga negara-negara Arab, OPEC, negara-negara G8

Cadangan Isi

- 1.Majlis Keselamatan PBB menyelesaikan beberapa konflik yang tercetus antara negara di meja rundingan. Contoh PBB menghantar pasukan penyelamat ke negara-negara bergolak seperti Congo (tahun 60-an)dan Cyprus (tahun 70-an)
- 2.PBB mendesak pasukan tentera yang mencerobohi sempadan negara lain berundur atau mengisytiharkan gencatan senjata di negara yang sedang berperang. Contoh, pengunduran tentera Soviet Unon dan Utara Iran (tahun 50-an)
- 3.PBB membina khemah sebagai penempatan untuk pelarian perang berlindung, memperoleh makanan, pakaian dan perubatan.

Soalan 5

Kewujudan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) dapat memupuk minat orang ramai terhadap karya sastera.

Huraikan pernyataan di atas.

Format:Tiada

Tugasan Soalan

Calon dapat menghuraikan Teknologi Maklumat dan Komunikasi(TMK) dapat memupuk minat orang ramai terhadap karya sastera.

1. Sekiranya calon menghuraikan Teknologi Maklumat dan Komunikasi secara umum sahaja, tanpa mengaitkan pemupukan terhadap karya sastera - **maksimum peringkat kurang memuaskan (21 – 35)**
- 2.. Sekiranya calon hanya menghuraikan karya sastera sahaja tanpa dikaitkan dengan TMK - **maksimum peringkat kurang memuaskan (21 – 35)**

Cadangan Isi:

Calon mestilah membincangkan kemudahan TMK membantu memupuk minat melalui;

- 1.Penyiaran drama yang diadaptasi daripada karya sastera
- 2.Pihak media boleh mempromosikan karya sastera kepada masyarakat melalui radio, televisyen dan surat khabar
- 3.Penubuhan kelab-kelab peminat karya sastera melalui laman media sosial
- 4.Pihak swasta menaja hadiah-hadiah menarik bagi sesuatu pertandingan dan diuar-uarkan melalui media.
5. Menganjurkan pertandingan berunsur sastera secara atas talian

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT